


# HARTA RM60 BILION TIADA WASIAT

**EKSKLUSIF**

- Lebih 90 peratus masyarakat Melayu Islam di negara ini tidak menulis wasiat atau membuat hibah menyebabkan waris-waris sukar mengagihkan harta pusaka selepas pemiliknya meninggal dunia.
- Tiada wasiat atau hibah menjadi antara punca harta bernilai lebih RM60 bilion tidak dituntut dan dibekukan di pelbagai institusi pemegang amanah.
- Kaedah membuat wasiat sangat mudah iaitu seseorang hanya perlu pergi ke firma guaman atau institusi yang menawarkan perkhidmatan menulis wasiat dengan bayaran kira-kira RM1,000 ke atas.
- Tinjauan *Sinar Harian* mendapati orang ramai menggesa supaya kesedaran menulis wasiat dan hibah dipertingkat bagi mengeratkan benak penanda tanah dan perebutan harta.





Bagi saya, wasiat bagus jika ia dibahagikan secara adil, tetapi, perkara sebaliknya berlaku apabila terdapat mereka yang tamak dan rasa tidak cukup serta tidak boleh terima wasiat yang dia dapat."

-Pekerja Swasta, Nur Nabila Mohd Salleh, 28, Melaka



Saya rasa wasiat merupakan sesuatu yang bagus dan menjadi tradisi turun-temurun. Cumanya, kalau ada wasiat yang tidak masuk akal harus dipertimbangkan dengan agama dan undang-undang."

-Pelajar, Muhammad Zafran Anas Ahmad Nor Khushairi, 25, Bangi, Selangor



Perlu dilaksanakan wasiat ini supaya tidak berlaku pertelingkahan dan perebutan harta antara ahli keluarga dan memudahkan pembahagian harta pusaka. Ia juga dapat menjaga kebajikan ahli keluarga setelah kematian." - Penjawat Awam, Norulhuda Ramli, 51, Mentakab, Pahang



Dengan adanya wasiat, proses pembahagian harta pusaka lebih cepat dan pantas. Kebajikan waris juga terjamin terutama mereka yang mempunyai anak kecil ketika seseorang meninggal dunia."

-Penolong Pengurus Syarikat Swasta, Mohd Rahimi Ramli, 49, Jerantut, Pahang



Wasiat satu amalan yang baik kerana mempunyai kepentingannya sendiri. Ia supaya harta yang ditinggalkan oleh si mati dapat diuruskan dengan baik dan mengelakkan pergaduhan atau pertikaian antara waris selain harta dapat dibahagikan kepada waris yang berhak." -Guru, Mimi Haryati Hashim, 42, Mentakab, Pahang

# 90 peratus belum tulis wasiat, hibah

Sinar Harian (11/02/2022) M/S02

Akibatkan lebih RM60 bilion harta tidak dituntut

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN dan NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Masih ramai rakyat Malaysia yang belum membuat wasiat ketika hidup sehingga menyebabkan waris-warisan berdepan kesukaran untuk mengagihkan harta pusaka selepas pemilik meninggal dunia.

Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Musa Awang berkata, lebih 90 peratus masyarakat Melayu Islam di negara ini tidak menulis wasiat atau membuat hibah.


Ujar beliau, ia juga menjadi antara punca harta bernilai lebih RM60 bilion tidak dituntut dan dibekukan di pelbagai institusi membabitkan semua kaum.

"Membuat wasiat atau hibah ialah suatu proses mudah yang boleh dilakukan semasa hayat pemilik harta, yang kesannya kemudian hari akan memudahkan urusan pembahagian harta selepas kematian pemiliknya.

"Sekiranya tiada wasiat atau hibah, maka harta peninggalan akan dibahagikan menurut faraid atau pembahagian sama banyak sekiranya



MUSA AWANG



Emas adalah antara harta yang boleh diwasiat atau dihibah.

semua waris bersetuju dengan pembahagian sama banyak," katanya kepada Sinar Harian.

Mengulas lanjut, Musa berkata, pemilik harta perlu merujuk kepada peguam syarie atau pihak yang berautoriti dan dipercayai untuk mendapatkan nasihat mengenai wasiat.

Menurutnya, terdapat beberapa proses yang perlu diikuti oleh pemilik harta dan waris keluarga supaya wasiat tidak terbatal.

"Mereka perlu senaraikan semua harta yang menjadi miliknya dan apakah niatnya untuk membuat wasiat atau hibah.

"Bagi orang Islam, wasiat yang dibuat hendaklah mematuhi kehendak hukum syarak iaitu tidak boleh lebih satu pertiga daripada jumlah keseluruhan harta dan tidak boleh diwasiatkan kepada penerima faraid melainkan dengan persetujuan kesemua waris setelah pemilik harta meninggal dunia.

"Jika tidak mematuhi kehendak tersebut, wasiat boleh jadi tidak sah dan batal," ujarnya.

Dalam pada itu, Musa berkata, ramai yang tidak membuat wasiat atau hibah kerana kurang kesedaran dan pengetahuan mengenainya.

Ujarnya, jika ada wasiat atau hibah, pembahagian harta akan menjadi lebih mudah dan memberi manfaat kepada waris kerana tidak akan timbul masalah berbangkit.

"Wasiat bukan sahaja penting untuk orang Islam, tetapi kepada semua kaum yang tertakluk kepada Akta Pembahagian Harta 1958 dan Akta Wasiat 1958.

"Hibah pula boleh diberikan kepada sesiapa sahaja walaupun lebih satu pertiga dan walaupun kepada ahli waris bakal penerima faraid.

"Harta yang boleh diwasiatkan atau dihibahkan ialah harta boleh alih seperti kereta, wang simpanan dan saham serta harta tidak boleh alih seperti rumah dan tanah," ujarnya.



# PERBEZAAN WASIAT DAN HIBAH



## WASIAT

- Pemberian selepas meninggal dunia
- Pindah milik berlaku selepas kematian pemilik
- Tidak perlu persetujuan waris kecuali melebihi  $\frac{1}{3}$
- Jumlah maksimum  $\frac{1}{3}$  daripada harta
- Hanya untuk bukan waris
- Perlukan ijab sahaja
- Sunat tapi wajib dilaksanakan

## HIBAH

- Pemberian ketika hidup
- Pindah milik boleh dilakukan ketika pemilik harta hidup atau selepas kematiannya
- Tidak perlu persetujuan waris
- Jumlah tiada had
- Penerima sesiapa sahaja
- Perlukan ijab dan qabul
- Hukumnya sunat